

Pembangunan sumber tenaga

Kenaikan harga minyak dan simpanan bahan ini yang kian berkurangan telah memaksa negara mencari jalan untuk memajukan sumber-sumber tenaga yang lain yang ada — konvensional dan moden. Dari segi teorinya kita mempunyai beberapa pilihan. Selaras dengan perkembangan di negara-negara maju kerajaan pernah menimbang untuk memilih tenaga nuklear. Tetapi pertimbangan-pertimbangan mengenai kos, teknologi, keselamatan dan keperluan-keperluan teknikal dan sekitaran telah mendorong kita menggugurkan pilihan ini. Pilihan-pilihan lain yang sekarang masih dipertimbangkan dengan serius nampaknya terhadap kepada gas asli, tenaga hidro dan arang batu. Dengan simpanan gas asli yang dianggarkan bersamaan dengan lima ribu juta tong — tiga kali saiz simpanan minyak — langkah yang telah diambil untuk memajukan penggunaan sumber ini adalah wajar dan berlogik.

Tetapi dengan kadar pembangunan sosio-ekonomi negara yang semakin meningkat dan dengan perkembangan industri moden yang dirancangan negara bukan sahaja perlu mencari ganti bahan minyak apabila kehabisan tetapi juga terpaksa menampung keperluan penggunaan tenaga yang kian pesat bertambah. Oleh yang demikian pembangunan sumber-sumber tenaga yang lain juga sememangnya patut diberikan perhatian yang berat. Ke arah mencapai hasrat inilah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir telah meminta pertolongan Jepun untuk membantu usaha kita membangunkan sumber hidro dan arang batu negara. Dianggarkan simpanan arang batu yang masih ada berjumlah antara 400 hingga 500 ribu juta tan. Walaupun jumlah ini tidaklah terlalu besar dan kualitinya juga kurang baik namun tekanan untuk mengurangkan kadar pergantungan negara kepada minyak ke paras 50 peratus hingga 1985 yang kian kritikal sifatnya tidak memberi kita banyak pilihan melainkan terus mencari jalan ekonomik untuk memajukannya. Cuma arang batu juga, seperti minyak, adalah suatu sumber terhadap.

Ternyata sumber yang mempunyai masa depan yang berterusan ialah tenaga elektrik hidro. Hakikat bahawa negara mempunyai potensi tenaga ini yang berlipat ganda dari keperluan tenaga hari ini adalah sesuatu yang dapat disyukuri. Sebenarnya langkah untuk membangun sumber ini telah lama mula diambil. Waktu ini negara mendapatkan 15 peratus dari keperluan tenaganya dari punca ini. Kadar ini akan meningkat kepada 23 peratus pada tahun 1985 dan terus menjadi sumber tenaga yang penting dalam 20 tahun yang akan datang. Namun demikian pembangunan sumber ini menghadapi beberapa kesulitan yang besar. Lebih dari 80 peratus potensi pembangunan adalah di Malaysia Timur sedangkan permintaan untuk tenaga lebih banyak di Semenanjung. Jadinya selain dari masalah teknikal dan kewangan untuk membangun wujud juga masalah pengiriman kuasa.